



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

TARIKH IKLAN : 25 Jun 2015

JAWATAN

**A1 - Pegawai Eksekutif (Keselamatan) Gred 41 –
(1 Kekosongan)**

**B1 – Penolong Pegawai Eksekutif (Keselamatan) Gred 31 -
(3 Kekosongan)**

**C1 – Pembantu Am (Pengawal Keselamatan) Gred 1 –
(5 Kekosongan) Semenanjung, Sabah, Sarawak**

**C2 – Pembantu Am (Pemandu Kenderaan) Gred 1 –
(6 Kekosongan) – Semenanjung, Sarawak**

**D1 – Pembantu Tadbir (Juruteknik Audio Visual) Gred 21 –
Sambilan (2 Kekosongan)**

KELAYAKAN MEMOHON

A1

Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

B1

Memiliki Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh kerajaan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

Bekas Inspektor Polis Diraja Malaysia atau Leftenan Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

C1

Memiliki Sijil Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

ATAU

Bekas Konstabel Polis Di Raja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

DAN

Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

C2

Memiliki Sijil Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I mana berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];

DAN

Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

D1

Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;

ATAU

Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (Simpan Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

ATAU

Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

ATAU

Sijil dalam bidang Pengurusan Perniagaan atau sijil Penyimpan Kira-Kira dari politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

DAN

Memiliki sijil dalam bidang Kejuruteraan Elektronik Komunikasi atau sijil dalam bidang Teknologi Elektronik Komunikasi atau sijil berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik atau institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

DAN

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

*** Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur dalam lingkungan tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 54 tahun pada tarikh tutup iklan.**

* Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat secara tetap adalah layak dipertimbangkan oleh LHDNM untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan yang diiklankan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- mempunyai kelayakan akademik seperti di atas; atau
- telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun selepas disahkan dalam jawatan sekarang.

* Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat secara kontrak dan sambilan adalah layak dipertimbangkan oleh LHDNM untuk memohon jawatan yang diiklankan:-

- mempunyai kelayakan akademik seperti di atas.

SYARAT TAMBAHAN

Jawatan: **A1 / B1 / C1**

Sihat tubuh badan dan bebas daripada penyakit kronik.

Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-

- Tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
- Berat badan sekurang-kurangnya 50 kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita;
- Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm dan menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);

d. Indeks Jisim Tubuh (BMI) adalah 19 – 24;

e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;

f. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

g. Tidak cacat anggota tubuh badan.

BIDANG TUGAS

A1

Menggubal, meminda dan memperkemas dasar, arahan dan peraturan keselamatan LHDNM serta mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan terhadap peraturan-peraturan keselamatan.

Menyelaras penguatkuasaan, penyiasatan dan pengambilan tindakan disiplin dan tatatertib pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.

Memantau Penguatkuasaan pematuhan terhadap dasar-dasar, arahan-arahan dan peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.

Merancang, mengatur dan memantau tugas kawalan keselamatan di Ibu Pejabat dan Cawangan di LHDNM.

B1

Merancang, menyelaras dan mengkaji sistem keselamatan LHDNM.

Menjalankan pemeriksaan keselamatan fizikal dan dokumen di Ibu Pejabat dan Cawangan di LHDNM.

Merancang dan memberi cadangan berkenaan penambahbaikan sistem keselamatan LHDNM.

Menyelaras, mengatur, merancang dan mengendalikan latihan dan kursus untuk pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.

Memberi taklimat dan latihan keselamatan untuk kursus dalaman kepada pegawai dan anggota keselamatan LHDNM.

C1

Mengawal akses keluar masuk pelawat di kawasan dan bangunan LHDNM.

Mengawal pergerakan keluar masuk barang-barang di kawasan dan bangunan LHDNM.

Mengawal lalulintas dan memastikan semua kenderaan diletakkan di tempat yang dibenarkan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

Rondaan keselamatan dan kebakaran di kawasan dan bangunan LHDNM.

Mengawal keselamatan dan ketenteraman kawasan dan bangunan LHDNM.

Melaksanakan tugas eskot operasi yang ditetapkan.

C2

Membawa pegawai-pegawai kanan ke tempat rasmi tepat pada masa.

Memandu dan memastikan kenderaan pejabat sentiasa berada di dalam keadaan baik, bersih dan selamat digunakan.

D1

Bertanggungjawab memasang, menguji, mengendalikan, sedia tunggu dan mengemaskan kembali peralatan audio visual apabila bertugas di Menara Hasil Cyberjaya mahupun di lokasi luar pejabat;

Bertanggungjawab terhadap peralatan elektronik mudah alih dan tetap seperti kamera, projector, sistem siaraya dan lain-lain peralatan elektronik yang terdapat di Menara Hasil, Cyberjaya bagi tujuan pinjaman oleh Hasilian di Cyberjaya khususnya dan di luar Cyberjaya amnya.

Bertanggung jawab dalam menyenggara dan membaik pulih kerosakan kecil peralatan audio visual mudah alih dan tetap. Sekiranya khidmat pakar diperlukan, perakuan hendaklah dikemukakan kepada ketua unit bagi mendapatkan kelulusan.

Membantu merancang untuk penambahbaikan kelengkapan atau kemudahan berkaitan audio visual mengikut situasi terkini.

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.

GAJI

Gaji Jawatan :

A1
RM2,977.00

B1
RM2,198.00

C1 / C2
RM1,235.00

D1
RM65.00 sehari

CARA MEMOHON

Permohonan dari **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf tetap dan kontrak) hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL. <https://spi.hasil.gov.my/>

Permohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) dan **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf sambilan) hendaklah dibuat melalui URL. <https://career.hasil.gov.my/>

Semua permohonan tidak perlu dicetak/di pos ke LHDNM.

Manual pengguna pada sistem permohonan boleh dirujuk semasa memohon.

MAKLUMAT TEMU DUGA

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga **akan dimaklumkan melalui:-**

* Paparan di Portal Rasmi LHDNM di <http://www.hasil.gov.my/> (ruangan "Kerjaya");

Pemohon juga dinasihatkan **sentiasa menyemak Portal Rasmi LHDNM** untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

9 Julai 2015



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.

NOTA

- Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan kriteria seperti di atas dan juga telah ditapis sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Pemohon **dikehendaki** **mendapatkan surat pengiktirafan kelayakan** berkenaan dari Unit Pengiktirafan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau melalui laman <http://www.interactive.jpa.gov.my/webinteraktif/frmMainIktiraf.asp>
- Calon adalah dinasihatkan untuk mengemukakan maklumat peribadi yang terkini semasa memohon.
- Calon-calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor berikut :

Unit Pengambilan dan Penempatan di talian :
03-8313 8888 *sambungan* 20924, 20926, 20976, 20977, 20978, 20979, 20980 dan 20981.